

Gejala anak abai ibu bapa perlu segera

B.H m/s 10 10.5.07

Oleh Mohamad Sofee Razak

KEBELAKANGAN ini, trend menghantar ibu dan bapa yang tua dan uzur ke rumah orang tua atau pusat jagaan, dilihat semakin ketara. Keadaan ini dapat dilihat dan dikesan berdasarkan kepada jumlah bilangan penghuni sedia ada di Pusat Jagaan Warga Emas atau juga dikenali Rumah Seri Kenangan di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pusat perlindungan yang disediakan beberapa agensi swasta.

Budaya ini semakin menular di dalam masyarakat moden di negara kita. Menurut perangkaan JKJ, seramai 1,714 warga tua mendiami sembilan Rumah Seri Kenangan di seluruh negara pada 2001, manakala 1,686 (2002), 1,829 (2003), 1,673 (2004) dan 1,827 (2005). Setakat 2005, daripada jumlah 1,827 warga emas, 751 adalah Melayu, 558 (Cina), 507 (India) dan 11 (lain-lain). Dari segi jantina pula, 1,171 adalah warga lelaki

dan 656 wanita.

Hakikatnya, sepasang suami isteri sanggup berkorban jiwa dan raga mereka menjaga, mendidik dan berhabis wang ringgit memelihara berbelas-belas anak, namun amat malang apabila jumlah anak yang ramai bukanlah jaminan kepada ibu bapa mendapat pembelaan dan kesenangan.

'Si Tanggung Moden' yang tidak bertanggungjawab dan tidak berfikiran secara waras ini, akan mengambil tindakan tidak berperikemanusiaan menghantar ibu bapa mereka ke rumah orang tua tanpa ada rasa bersalah.

Faktor tinggal di bandar, gaji rendah, kos hidup tinggi, anak ramai dan rumah kecil menjadi alasan terbaik untuk mengelak melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak. Kadang kala ada anak mengambil kesempatan ke atas ibu bapa mereka yang tinggal bersama dengan menjadikan ibu bapa seperti 'pembantu rumah' dengan menyuruh membuat pelbagai kerja.

Sebagai anak bertanggungjawab dan berfikiran waras, biarpun susah dan kesempitan hidup, kita perlu melaksanakan peranan kita sebagai anak. Seorang anak yang baik tidak akan terlintas di dalam hatinya menghantar ibu dan bapa mereka ke rumah orang tua.

Kerjasama di kalangan anak-anak perlu bagi mengelak berlaku perbuatan tidak bertamadun ini. Mereka perlu berbincang dan merancang tanggungjawab masing-masing serta memastikan kedua-dua ibu bapa mereka tidak diabaikan. Anak juga perlu menyediakan tabungan khas dan skim perlindungan insurans untuk kebajikan serta kemudahan ibu bapa pada masa hadapan.

Ada anak tidak pernah menghantar duit perbelanjaan kepada ibu dan bapa serta jarang sekali menjenguk mereka. Ada juga yang sudah berjaya dalam hidup bergaya dengan rumah dan kereta mewah tetapi terlalu berkira untuk menghantar wang dan penghargaan kepada ibu bapa.

ra dikekang

Faktor utama yang menyumbang kepada tindakan tidak beradab ini ialah kurangnya didikan agama dan rasa hormat serta sayang terhadap ibu bapa. Mereka lebihutamakan kerjaya, keluarga dan kawan-kawan berbanding ibu bapa sendiri. Oleh demikian, ibu bapa perlu menekankan pendidikan agama agar anak faham dan melaksanakan tuntutan agama.

Kesilapan dan kelalaian mendidik anak boleh menjadi penyebab kepada masalah ini. Ibu bapa perlu bijak, kreatif dan ikhlas mendidik dan memberi pelajaran kepada anak. Ini adalah pelaburan jangka panjang kerana kesilapan pada hari ini, risikonya bakal kita hadapi pada hari tua kelak.

Bagi mengelak sesuatu tidak baik berlaku pada masa hadapan, ibu bapa perlu mempunyai tabungan mereka sendiri agar ia membantu apabila mereka sudah tiada sumber pendapatan. Ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kebergantungan kepada anak.

Bagi yang bekerja mungkin tidak menjadi masalah kerana dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan perlindungan insuran dapat membantu mereka. Bagi yang bekerja sendiri hendaklah membuat persiapan dan mempunyai tabungan untuk kegunaan hari tua. Namun, ini bukanlah jaminan yang anak-anak tidak menghantar ibu bapa ke rumah orang tua.

Islam mewajibkan anak-anak mentaati dan menjaga kebajikan kedua-dua ibu bapa seperti yang diterangkan di dalam beberapa ayat al-Quran seperti *Al-Ankabut: 8*; *Luqman: 14-15*; *Al-Ahqaf: 15*; dan *Al-Israk: 23-24*. Ada banyak hadis sahih yang diriwayatkan Bukhari dan Muslim sebagai petunjuk dan penanda aras yang mewajibkan kita mentaati, menyayangi dan mengasihi kedua-dua ibu bapa.

Cadangan beberapa Ahli Parlimen agar tindakan tegas dikenakan ke atas anak derhaka ini perlu diberi perhatian. Saranan supaya kerajaan memotong gaji anak yang menghantar ibu bapa mereka ke pusat jagaan warga emas dan pada masa sama, memberi insentif tertentu seperti potongan cukai kepada mereka yang sanggup menjaga ibu bapa perlu dipertimbang.

Cadangan pindaan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan kesediaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melihat dan berusaha menangani masalah ini hendaklah dipandang serius pihak berwajib agar masalah ini tidak menjadi barah dalam masyarakat kita. Diharapkan pindaan akta berkenaan bakal memberi nafas baru kepada landskap dan suasana persekitaran pusat jagaan rumah warga emas di negara kita.